# Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

TAHUN 22 BILANGAN 51 — RABU 21HB. DISEMBER, 1977. — رابو 10 محرم 1397 — PERCHUMA


## Pg. Anak Salmah selamat melahirkan sa-orang puteri

MENJUNJONG sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Sufri Bolkiah ada-iah dengan amat sukachita-nya di-umomkan bahawa dengan izin Allah, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Salmah, isteri kapada Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Sufri Bolkiah, telah selamat melahirkan sa-orang puteri pada hari Ahad, 18hb Disember, 1977 jam 6.50 petang, yang menjadi chuchunda kapada Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan.



PENERBANGAN Diraja Brunei telah memulakan perkhidmatan berjadualnya ka-Bangkok. Penerbangan rasmi yang pertama telah dilakukan pada 9hb Disember yang lalu.

Turut serta dalam penerbangan pertama itu ia-lah Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Awang Haji Umar, yang juga menjadi wakil Kerajaan; YB Pehin Orang Kaya Khazanah Negara Laila Diraja Dato Laila Utama Awang John Lee dan Pengurus Umom Sharikat Penerbangan Diraja Brunei, Awang Alan T. Douglas.

Lain2 jemputan termasok YDM Pehin Datu Indera Setia Lt. Col. Dato Paduka Awg Sulaiman bin Haji Awg Damit; Penguasa Penerbangan Awam United Kingdom dan Penasehat Jabatan Penerbangan Awam Brunei, Awang R. Williams dan Pengurus Kejuruteraan Diraja Brunei, Awang K. Money.

Juga turut dalam penerbangan itu ia-lah wakil2 dari sharikat pelanchongan; pemberita2 dan kaki-tangan TV.

Gambar atas menunjokkan YB Pehin Orang Kaya Khazanah Negara Laila Diraja Dato Laila Utama Awg John Lee, YB Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awg Haji Abdul Aziz dan YDM Pehin Datu Indera Setia Lt. Col. Dato Paduka Awg Sulaiman ketika berada di-Dewan Orang Kenamaan di-Lapangan-terbang Don Muang Bangkok.

## BEKALAN LETRIK KA-KG. KASAT TAHUN DEPAN

KAMPONG KASAT.—Pegawai Daerah Brunei/Muara, Awang Mohd. Saleh bin Haji Hidup menyatakan bahawa mengikut jadual yang telah di-sediakan oleh Jabatan Letrik, Mukim Kampong Kasat akan dibekalkan tenaga letrik dalam awal tahun 1978 akan datang. Dan sa-bahagian besar kampong ini sudah pun menerima kemudahan bekalan ayer Kerajaan.

Beruchap dalam sambutan sempena puja usia ke-31 dan genap 10 tahun menaiki takhta Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei di-sini pada hari Ahad lepas, beliau berkata dalam tempoh tersebut berbagai kemajuan negara telah di-chapai dan hasilnya telah di-nekmati oleh seluroh raayat dan pendudok di-negeri ini.

Beliau menambah, salain daripada menekmati hasil2 projek perkembangan Kerajaan pada perengkat nasional, Kampong Kasat juga tidak ketinggalan dengan projek perkembangannya sendiri termasok kegiatan2 saperti memberseh sungai, pemeliharaan jembatan dan usaha2 untok membaiki keadaan jalan raya.

Terdahulu dari itu beliau juga menyatakan raayat dan pendudok di-negeri ini sangat2 beruntong kerana kemakmoran dan kesejahteraan hidup yang kita nekmati sa-lama ini — dan ia-nya tidak akan ujud tanpa keamanan dan sistem pemerintahan yang chekap dan dinamek.

"Kita mesti-lah berterima kaseh dengan sa-genap keperchayaan kapada Kerajaan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan yang mana atas kebijaksanaan Baginda memimpin pemerintahan negeri ini, kesemua perkara2 yang asas itu ada di-sisi kita," jelasnya.

Lihat muka 12



Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Rahman.

## Pmk. Pengarah Perjawatan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei telah berkenan melantek Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Rahman bin Pengiran Haji Abdul Rahim, Pegawai Pentadbir Kanan di-Pejabat Setia Usaha Kerajaan, sa-bagai Pemangku Pengarah Perjawatan, samasa ketiadaan Dato Setia Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohd Taib yang kini memangku jawatan Setia Usaha Kerajaan.

Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Rahman ada-lah salah sa-orang Pegawai Pentadbir yang paling lama berkhidmat dengan Kerajaan Duli Yang Maha Mulia.

Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Rahman pernah berkhidmat di-beberapa buah jabatan Kerajaan dan jawatan yang di-pegang-nya sa-belum di-lantek sa-bagai Pentadbir Kanan ia-lah sa-bagai Pegawai Daerah Brunei/Muara dari tahun 1969 hingga 1974.



## *Piring kenang2an sedang di-jual*

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dua biji piring chenderamata (gambar atas) masing2 berharga $20.00 sa-biji ia-itu chenderamata kenang2an sempena puja usia yang ke-31 tahun dan sempena genap 10 tahun menaiki takhta Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei, persembahan daripada Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Perayaan Puja Usia DYMM ke-31 1977 dan persembahan daripada Penghulu2 dan Ketua2 Kampong Daerah Brunei dan Muara.

Piring2 tersebut boleh di-dapati daripada Jabatan Daerah Brunei/Muara atau Penghulu2 dan Ketua2 Kampong di-Daerah Brunei dan Muara.

Pelita Brunei
AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI
DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

21HB DISEMBER, 1977

# Hari Pelajar eratkan hubongan

HARI PELAJAR di-seluroh negeri bagi sekolah2 rendah, menengah dan maktab2 tahun ini telah di-rasmikan oleh Menteri Besar Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail, di-Padang KBRC, pada 6hb Nobember dan dari sejak itu beberapa buah sekolah telah mengadakan Hari Pelajar-nya sa-chara berasingan. Sa-panjang bulan lalu hingga ka-akhir bulan ini di-mana saja di-langsongkan Hari Pelajar itu, sambutan orang ramai terhadap hari tersebut sunggoh menggalakkan terutama sekali para ibu-bapa yang mengambil berat terhadap kemajuan pelajaran anak2 mereka ketika berada di-sekolah.

Hari Pelajar itu di-adakan tahun demi tahun bukan-lah sa-kadar memperlihatkan kerajinan pelajar2, aktibiti2 sekolah dan sa-umpama-nya malah ia-nya juga menitek-beratkan hubongan mesra serta kerjasama di-kalangan para ibu-bapa dengan guru2 sekolah, kerana sa-belum Hari Pelajar ini di-kenalkan kapada masharakat kita pada hari ini, sambutan yang sama juga pernah di-adakan di-tiap2 sekolah ia-itu dengan di-kenali "Hari Ibu Bapa", yang bertujuan memberikan peluang kapada para ibu-bapa untok mengunjongi sekolah sa-chara beramai2 untok melihat kerajinan, kechekapan serta kebolehan anak2 mereka dalam lapangan pelajaran dan persekolahan sa-panjang tahun di-samping mengeratkan hubongan antara ibu-bapa dengan sekolah (guru2).

Dalam hubongan ini, kerjasama yang lebeh erat dan persefahaman di-kalangan para ibu-bapa dengan guru2 pada melahirkan rasa tanggong-jawab, ada-lah mustahak demi untok kemajuan pelajaran anak2 kita pada masa akan datang. Dan tanggong-jawab guru2 dalam memberikan pendidekan kapada anak2 kita sa-lama ini sudah dapat di-boktikan dan tidak dapat di-ragukan lagi walaupun terdapat sedikit2 kelemahan di-sana sini dari segi teknikal-nya — itu ada-lah perkara biasa yang terdapat di-sana sini di-dunia ini.

Pengarah Pelajaran Brunei, Awang Ahmad bin Haji Jumat, dalam kata2 aluan-nya di-upachara perasmian Hari Pelajar di-Kuala Belait bulan lalu antara lain mengharapkan di-ujudkan serta di-kekalkan hubongan mesra serta kerjasama yang lebeh erat di-antara guru2 dengan para ibu-bapa di-samping mereka itu perlu menjalankan tugas dengan lebeh berkesan dan bersedia pada sa-tiap masa bagi mensesuaikan diri dalam sa-tiap perubahan.

Beliau juga menjelaskan, guru2 perlu-lah melateh dan mendidek supaya pelajar2 boleh berfikir dan memberi pendapat mereka dengan waras di-samping boleh menganalisa serta menyelesaikan bagi sa-tiap masaalah dengan chara sendiri dan rasional. Dan untok menchapai tujuan ini mereka hendak-lah juga mempunyai akhlak dan nilai2 yang tinggi, pendirian yang tetap dan disiplin yang kuat supaya mereka itu tidak mudah di-pengarohi oleh anasir2 yang tidak di-ingini.

Mudah2an dengan izin Allah jua, kita akan berjumpa kembali pada musim Hari Pelajar yang akan datang dan pupok-lah dalam diri sa-tiap pelajar ia-itu "Belajar untok Mengajar" demi melahirkan jenerasi keBruneian yang ta'at kapada Raja dan Negeri Brunei Darussalam.

# Peluang untok menjadi Pulis

BANDAR SERI BEGAWAN.—Pasokan Pulis Diraja Brunei mengkehendaki banyak lagi pemuda2 untok berkhidmat dalam pasokan itu sa-bagai anggota pulis.

Pemuda2 yang di-pileh nanti akan menjalani latehan sa-lama enam bulan di-Pusat Latehan Pulis di-Jalan Muara dalam bulan Februari tahun depan.

Pemohon2 mesti-lah raayat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei samada bujang atau pun sudah beristeri dan berumor di-antara 18 hingga 28 tahun. Tinggi sekurang2-nya 5 kaki 2 inchi dan berbadan sehat. Lulus sekurang2-nya Darjah VI Melayu atau Inggeris.

Gaji permulaan sa-bagai rekrut ia-lah sa-banyak $325.00 sa-bulan dan di-tambah $100.00 sa-bagai alaon. Gaji dan alaon akan meningkat kapada $525.00 sa-bulan sa-telah berjaya menamatkan latehan asas.

Pemuda2 yang ingin untok berkhidmat dengan pasokan itu ada-lah di-kehendaki hadhir untok di-temuduga oleh Pegawai2 Pengambilan di-tempat2 dan pada tarikh2 saperti di-bawah :

Di-Balai Pulis Bandar Seri Begawan pada 3hb dan 9hb Januari jam 8.00 pagi dan 2.00 petang.

Di-Balai Pulis Tutong pada 4hb dan 10hb Januari, jam 9.00 pagi dan di-balai Pulis Lamunin pada hari2 yang sama jam 2.00 petang.

Di-Balai Pulis Kuala Belait pada 5hb dan 11hb Januari, jam 9.00 pagi dan di-Balai Pulis Seria pada hari2 yang sama mulai jam 2.00 petang.

Di-Balai Pulis Temburong pada 7hb dan 12hb Januari pada jam 9.00 pagi dan 2.00 petang.

Pemohon2 mesti-lah membawa bersama mereka surat beranak, kad pengenalan dan lain2 surat keterangan persekolahan sa-masa menghadhiri temu-duga itu.



AHLI2 Pasokan Pengakap ke-1015 (Kampong Anggerek Desa) telah menjalankan kerja membersehkan sa-buah longkang di-Kampong Anggerek Desa pada hari Ahad 11hb Disember yang lalu.

Kerja2 pembersehan itu di-ketuai oleh pemimpin pasokan itu, Awang Mohd Daud bin Haji Timbang dan ia-nya di-jalankan sa-bagai salah satu kegiatan dalam kerja2 kemasharakatan bagi mendapatkan Kemajuan Pengakap.

Gambar atas menunjokkan pengakap2 itu ketika menjalankan kerja2 pembersehan longkang tersebut.

# Memuchang-muchang

KAMPONG SUNGAI BULOH.—Satu kerja memuchang-muchang bagi membersehkan tapak bagi pembenaan balai ibadat di-Kampong Sungai Buloh, Batu 12, Jalan Kota Batu akan di-adakan pada hari Ahad 25hb Disember depan.

Setia Usaha Jawatankuasa Pembenaan Balai Ibadat, Pengiran Haji Aliuddin bin Pg Omarali meminta pendudok2 kampong tersebut supaya datang beramai2 untok menjayakan projek tersebut. Kerja memuchang-muchang itu akan di-jalankan mulai jam 8.00 pagi.

# Harga barang2 keperluan

**SAPERTI biasa di-bawah ini di-chatetkan beberapa jenis barang2 keperluan sa-hari2 yang di-dapati di-jual dengan harga yang lebeh rendah di-kedai2 Bandar Seri Begawan, Kuala Belait dan Seria. Ada-lah di-ingatkan kapada orang ramai bahawa harga barang2 yang berikut di-**bawah ini bermula bagi minggu 17hb. Disember, 1977 sahaja.

**BANDAR SERI BEGAWAN :**

1. SAGO HALUS — 50 sen sa-kati, boleh di-di-beli dari kedai berikut : —
   Chop Chin Seng
   No. 107, Jalan Chevalier,
   **Bandar Seri Begawan**
2. SAYOR PUCHOK (Foo Lung Ching Kee Co) — $4.50 sa-bungkus, boleh di-beli dari kedai2 berikut : —
   a) Chop Nam Fung
   No. 114, Bangunan Guru2 Melayu,
   Bandar Seri Begawan.
   b) Chuan Joo Department Store
   No. 9, Cathay Building,
   Bandar Seri Begawan.
3. MEAT CURRY POWDER (Chap Rusa, 340 gm) — $1.60 sa-tin, boleh di-beli dari kedai2 berikut : —
   a) Chop Chin Seng
   No. 107, Jalan Chevalier,
   Bandar Seri Begawan.
   b) Benson Department Store,
   No. 27, Jalan Sultan,
   Bandar Seri Begawan.
   c) Sin Sing Kee
   No. 69, Jalan McArthur,
   **Bandar Seri Begawan.**
   d) Ming Thai & Co.
   No. 32, Jalan Sultan,
   **Bandar Seri Begawan.**
4. GARAM HALUS (Chap Basketball) — 50 sen sa-bungkus, boleh di-beli dari kedai berikut : —
   A. Muthian
   No. 9, Jalan McArthur,
   **Bandar Seri Begawan.**

**KUALA BELAIT :**

1. SAGO HALUS — 55 sen sa-kati, boleh di-beli dari kedai berikut:—
   Hwa Mee
   Bangunan Foo Chow,
   Jalan Bunga Rambai,
   **Kuala Belait.**
2. SAYOR PUCHOK (Foo Lung Ching Kee Co.) — $4.50 sa-bungkus, boleh di-beli dari kedai berikut : —
   Yick Yuen
   No. 3, **Jalan Pretty,**
   **Kuala Belait.**
3. MEAT CURRY POWDER (Chap Rusa, 340 gm) — $1.50 sa-tin, boleh di-beli dari kedai berikut: —
   Chop Haw Min
   No. B, Bangunan Dewan
   Perdagangan China,
   Jalan Bunga Raya,
   **Kuala Belait.**
4. GARAM HALUS (Chap Basketball) — 50 sen sa-bungkus, boleh di-beli dari kedai berikut : —
   Kok Kee
   No. 60, Jalan Pretty,
   **Kuala Belait.**

**SERIA :**

1. SAGO HALUS — 60 sen sa-kati, boleh di-**beli dari kedai berikut : —**
   a) **Chop Kun Mee**
   **No. 6, Jalan Sultan Omar Ali,**
   **Seria.**
   b) Foo Hap Shing
   **No. 20, Jalan Sultan Omar Ali,**
   **Seria.**
   c) Siong Huat
   **No. 40, Jalan Sultan Omar Ali,**
   **Seria.**
   d) Chop Thiam Heng
   **No. 42, Jalan Bunga Melor**
   **Seria.**
   e) Haji C. A. Mohammed & Son
   **No. 51, Jalan Bunga Kuning,**
   **Seria.**
   f) Chop Kim Huat
   **No. 53, Jalan Bunga Kuning,**
   **Seria.**
   g) Poh Sing
   **No. 65, Jalan Bunga Kenanga,**
   **Seria.**
   h A. Muhamed
   **No. 66, Jalang Bunga Kenanga,**
   **Seria.**
2. SAYOR PUCHOK (Foo Lung Ching Kee Co.) — $4.20 sa-bungkus, boleh di-beli dari kedai berikut: —
   Yick Fatt
   No. 36, Jalan Sultan Omar Ali,
   **Seria.**
3. MEAT CURRY POWDER (Chap Rusa, 340 gm) — $1.55 sa-tin, boleh di-beli dari kedai berikut : —
   Choo Heng Company
   **No. 30, Jalan Sultan Omar Ali,**
   **Seria.**
4. GARAM HALUS (Chap Basketball) — 50 sen sa-bungkus, boleh di-beli dari kedai berikut : —
   Chop Kim Huat
   **No. 53, Jalan Bunga Kuning,**
   **Seria.**

## PEMBETULAN

**UDANG KERING yang di-jual di-kedai Kuala Belait sa-bagaimana yang di-chatetkan dalam Pelita Brunei keluaran minggu lepas, 14hb Disember, 1977 ada-lah di-betulkan kapada $5.40 sa-kati bukan-nya $5.60.**

# Pendaftaran kelas2 trengkas, menaip

BANDAR SERI BEGAWAN. — Bahagian Kelas2 Pelajaran Dewasa Sekolah Menengah Melayu SMJA, Bandar Seri Begawan telah memulakan pendaftaran penuntut2 baru bagi tahun 1978 dalam pelajaran2 perdagangan, dan pendaftaran ini akan berakhir dalam pertengahan bulan Januari tahun depan.

Matapelajaran2 perdagangan yang akan di-adakan ia-lah Trengkas, Menaip dan Simpan-kira dalam semua perengkat — Permulaan, Menengah dan Tertinggi. Sementara itu mereka yang mempunyai kelayakan Trengkas Melayu Perengkat Menengah dan Meniap Perengkat Tertinggi boleh-lah memohon untok memasoki Kelas Steno.

Keutamaan akan di-berikan kapada mereka yang membuat permohonan lebeh awal serta tinggal berhampiran dengan Sekolah tersebut. Mereka yang ingin memohon untok memasoki kelas2 berkenaan boleh-lah menghubongi dan mendapatkan borang2 pendaftaran dari guru2 yang berkenaan pada sa-tiap hari dari jam 2.30 hingga 6.00 petang atau kapada Penyelia Sekolah tersebut sa-waktu hari2 sekolah di-buka.

# CHABARAN HIDUP DI-TAHUN BARU




SEKARANG kita berada dalam tahun baharu Hijrah, tahun 1398. Kita telah tinggalkan tahun 1397 dengan segala rupa pengalaman dan kenang2an, yang berupa suka-duka peristewa dan susah senang keadaan, yang semua itu ada-lah sukar untok di-lupakan. Saperti juga kita menghadapi tahun2 yang lepas dengan penoh azam dan chabaran, maka tidak ada bedza-nya dalam tahun 1398 ini, chabaran itu dapat kita duga akan lebeh besar dan hebat lagi disebabkan tanggong-jawab kita semakin bertambah serta persoalan2 hidup semakin banyak untok di-hadapi. Semua itu akan terkumpol di-bawah nama perjuangan, dan ada pun sifat2 perjuangan yang baik dan tinggi nilai-nya, ia-lah yang bersendikan keikhlasan serta jujor semata2 kerana Allah.

Firman Allah Ta'ala Yang bermaksud kira2 :

*"Dan orang2 yang berjihad (berjuang) pada jalan Kami (Allah), neschaya Kami tunjokkan mereka itu jalan2 Kami yang lurus, dan sesunggoh-nya Allah itu bersama orang2 yang membuat kebaikan."*

Hijrah dalam bahasa kita bermaana "Pindah", tetapi hikmat dan tujuan-nya yang jauh, bukan-lah semata2 dengan maksud berpindah tempat tinggal sahaja, bahkan yang termasok menjadi soal penting dari seluroh peristewa Hijrah itu ia-lah bagi mendapatkan tapak yang sesuai ka-arah menchari dan memperolehi kejayaan. Oleh sebab itu, bagi kita umat Islam pada masa ini, pengajaran Hijrah yang penting harus-lah dilihat dari segi memindahkan sa-suatu sikap atau tabi'at atau chara hidup yang kurang baik kapada yang baik, atau dari yang baik kapada yang lebeh baik lagi, umpama-nya berpindah dari perangai malas kapada rajin, dari tabi'at suka membuang2 wang dan masa kapada jimat chermat serta pandai menggunakan-nya pada perkara2 yang perlu, dari suka dan gemar melakukan kerja2 yang tidak di-sukai oleh Allah kapada patoh dan menta'ati perintah2--Nya dan lain2 lagi. Semua chontoh2 yang disebutkan ini, boleh-lah dimasokkan ka-dalam pengertian hijrah, hijrah dalam erti membaiki diri dan membersehkan-nya, semata2 kerana mengharapkan limpah rahmat Allah.

Demikian-lah wahai kaum muslimin, semangat hijrah itu menghendaki satiap orang Islam supaya mengubah nasib dan keadaan mereka. Jika sa-suatu di-dapati salah dan merugikan, maka hendak-lah segera di-atorkan langkah baru yang menguntongkan. Kesalahan tidak boleh di-biar lama2. Sebab kesalahan itu menurut shara', ia-lah mungkar yang di-chela, sedang kemungkaran itu tidak ada lain yang hendak di-namakan melainkan dosa. Sementara dosa yang bertimbun2 itu, biasa-nya menjadi puncha kechelakaan dan penderitaan kita di-dunia ini, dan lebeh2 lagi di-akhirat kelak.

# JAUHI DIRI DARI PERJUDIAN

"JUDI" ada-lah satu daripada pekerjaan yang diharamkan menurut ajaran2 Islam. Menurut ukoran nilai kehidupan manusia juga judi ada-lah memporak-perandakan keharmonian hidup berumah-tangga. Hasil2 yang di-perolehi dengan judi juga ada-lah bukan di-perolehi dengan titek peloh dan usaha sendiri. Ianya di-perolehi dengan bergantong kapada nasib, kalau nasib-nya baik beruntong-lah ia, kalau nasib-nya burok malang-lah padahnya, kerugian-lah menimpa diri-nya.

Begitu-lah nasib berjudi, ada faedah-nya kapada satengah orang, tetapi keburokan-nya lebeh besar daripada faedah-nya. Allah berfirman dalam surah Al-Baqarah ayat 219 yang bermaksud lebeh kurang : *"Mereka bertanya kapada-mu Ya Muhammad berkenaan arak dan judi. Katakanlah; daripada kedua-nya itu dosa yang besar, dan ada guna-nya bagi manusia, tetapi dosa kedua-nya lebeh besar dari guna-nya"*.

Memang-lah tidak dapat di-sangkal bahawa judi itu mempunyai faedah kapada orang2 yang melakukannya; ia-nya akan mendapat wang dengan mudah dan senang serta untong kalau ia-nya menang, tetapi benchana-nya lebeh besar dan hebat lagi kalau ia-nya kalah dan mendapat kerugian, kerukunan rumah-tangga akan jadi kuchar-kachir, anak2 dan isteri akan terbiar tidak di-perdulikan, pimpinan yang baik kapada anak2 akan lenyap dari ingatan-nya menyebabkan anak2 itu harus akan menjadi orang2 jahat dan tidak berguna kapada masharakat. Desas-desus dari mulut ka-mulut bahawa kisah orang2 berjudi ini tidak senang kehidupan-nya, ia-nya sentiasa gelisah dalam pekerjaan-nya, ingatan-nya terbayang2 di-meja judi. Sifat orang2 berjudi juga terdapat banyak sifat2 yang keji, di-antara-nya; suka berbohong, tidak amanah, pemarah, suka berhutang, menipu, berkelahi dan sa-bagai-nya.

Dari akibat judi ini-lah shaitan mengambil kesempatan untok menjerumuskan manusia ka-dalam kenchah permusohan dan berbenchi2an antara satu sama lain, ia akan mengajak manusia supaya melakukan kejahatan, bertengkar dan berkelahi, akhir-nya membawa kapada permusohan dan berbenchi2an-lah akan tertanam di-dalam jiwa manusia itu. Pendek-nya semua kejahatan yang berkisar dari alam keduniaan akan mudah di-lakukan oleh manusia itu apabila manusia itu telah tundok di-bawah pengaroh shaitan yang sentiasa berharap2kan kejatohan manusia di-bawah telapak kaki-nya.

## Bingkisan minggu ini

Perkara2 yang bersangkutan dengan keugamaan juga menjadi sasaran di-jiwa manusia di-mana shaitan akan ranchak menghalangi manusia itu dari melakukan kewajipan-nya untok mengingati Allah dan mendirikan sembahyang, kerana orang2 yang ashik berjudi tentu lupa mengingat Allah dan lupa dari menunaikan kewajipan sembahyang, dan kewajipan2 yang lain.

Sa-telah kita mengetahui betapa burok-nya akibat judi yang sama burok-nya dengan orang2 yang menyembah berhala dan orang2 yang bertilik nasib. Firman Allah dalam surah Al-Maidah ayat 90 yang bermaksud lebeh kurang : *"Hai orang2 yang beriman ! Hanya sesunggoh-nya arak, judi, berhala dan bertenong nasib itu ada-lah suatu yang kotor daripada shaitan, sebab itu hendak-lah kamu jauhi-nya, mudah2an kamu akan beruntong"*.

Memandang betapa burok-nya akibat2 judi saperti yang di-sebutkan di-atas tadi maka demi untok menunaikan perintah2 Allah supaya kita umat Islam menjauhkan diri dari perbuatan2 judi, samada judi itu di-lakukan dengan chara berterang2 mau pun dengan chara bersulit2. Kerana istilah berterang2 dan bersulit2 itu ada-lah sama pada hakikat-nya menurut hukum shara'. Di-mana jua pun perbuatan atau pekerjaan itu di-lakukan sama ada baik atau jahat, semua-nya itu tidak terlepas dari pengetahuan Allah. Nyatalah permainan judi yang ditegah oleh Allah itu akan sentiasa di-lihat dan di-saksikan oleh Allah sekali pun ia-nya di-lakukan di-tempat2 rahsia yang tidak boleh di-ketahui oleh pehak2 yang berkenaan, namun hukum Allah itu tetap berjalan ka-atas-nya.

Hukum2 Allah terhadap judi ini ada-lah meliputi kapada semua yang mengambil bahagian di-dalam-nya; pemimpin2-nya atau penganjor2-nya, peserta atau pengikut2-nya, pehak2 yang memberi kemudahan alat2-nya, pehak yang bersubahat melindongi dan sa-tiap pehak yang mengambil bahagian di-dalam-nya.

Oleh yang demikian, sa-bagai orang2 Islam yang mengaku beriman kapada Allah hendak-lah menjauhkan diri dari perkara2 yang berhubong dengan hal2 perjudian sa-bagaimana yang di-sebut-nya itu. Mudah2-an kita akan sentiasa mendapat perlindongan dari Allah dari melakukan perkara2 maksiat dan durhaka kapada perintah2 Allah s.w.t.

# Memelok Ugama Islam

PEKAN BANGAR, Temburong. — Bertempat di-Masjid Utama Mohammad Salleh di-sini, satu keluarga Iban yang terdiri dari lima orang anak-beranak yang berasal dari Kampong Temada telah melafazkan ikrar Islam mereka di-hadapan imam masjid tersebut, Awg Alikhan bin Ismail dan Yang Dimuliakan Pehin Dato Pekerma Dewa Haji Abdul Rahim.

Upachara pengIslaman yang berlangsong pada hari Jumaat, 9hb Disember itu telah memulakan nama baru bagi Julong anak Ani, 31 tahun yang di-kenali sa-bagai Awang Jafri bin Abdullah, isteri-nya Siah anak Tuah dengan nama Norsiah bte Mohd Tuah dan anak2 mereka sa-ramai tiga orang yang juga di-kenali sa-bagai; Sarimah, Salbiah dan Salina.

PengIslaman itu telah juga di-saksikan oleh pegawai2 dari Pejabat Hal Ehwal Ugama, termasok Kadhi Daerah Temburong, Dato Paduka Haji Ishak bin Adam.

## Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

**Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 21hb Disember, 1977 hingga ka-hari Selasa 27hb Disember, 1977 ada-lah saperti di-bawah ini : —**

| *Hari Bulan* | *Dzuhor* | *Asar* | *Magrib* | *Isha* | *Imsak* | *Suboh* | *Matahari Terbit* |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 21hb Dis. | 12.26 | 3.45 | 6.21 | 7.36 | 4.52 | 5.07 | 6.25 |
| 22hb Dis. | 12.26 | 3.45 | 6.21 | 7.36 | 4.52 | 5.07 | 6.25 |
| 23hb Dis. | 12.26 | 3.45 | 6.21 | 7.36 | 4.52 | 5.07 | 6.25 |
| 24hb Dis. | 12.26 | 3.45 | 6.21 | 7.36 | 4.52 | 5.07 | 6.25 |
| 25hb Dis. | 12.26 | 3.45 | 6.21 | 7.36 | 4.52 | 5.07 | 6.25 |
| 26hb Dis. | 12.28 | 3.47 | 6.24 | 7.39 | 4.54 | 5.09 | 6.27 |
| 27hb Dis. | 12.28 | 3.47 | 6.24 | 7.39 | 4.54 | 5.09 | 6.27 |

**Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.**

**Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12.45 tengah hari.**

# *Terima Chenderamata*



JOHAN qari Musabaqah Membacha Al-Kor'an perengkat Antarabangsa tahun 1977, Awang Haji Mashud bin Haji Awang Damit baru2 ini telah menerima sa-buah chenderamata yang di-hadiahkan oleh Pejabat Pelajaran.

Majlis penyampaian chedneramata itu telah di-lakukan oleh Pengarah Pelajaran Brunei, Awang Ahmad bin Haji Jumat bertempat di-Bilek Pengarah Pelajaran itu sendiri dan di-saksikan oleh Pegawai2 kanan di-jabatan tersebut.

Chenderamata tersebut yang berbentok sa-buah 'rial' Al-Kor'an yang di-tempah khas dan di-perbuat dari perak ada-lah merupakan satu penghargaan yang di-berikan oleh Jabatan Pelajaran sa-bagai mengalu2kan kejayaan Awang Haji Mashud di-pertandingan itu yang mana beliau ada-lah salah sa-orang guru di-jabatan itu dan guru Al-Kor'an bagi kaki-tangan Jabatan Pelajaran.

**Kelihatan dalam gambar atas majlis penyampaian chenderamata tersebut yang di-sampaikan oleh Pengarah Pelajaran, Awang Ahmad (No 4 dari kiri) kapada Awang Haji Mashud dengan di-saksikan oleh pegawai2 Jabatan Pelajaran.**

# RBA commences service to Bangkok

BANDAR SERI BEGAWAN.— Royal Brunei Airlines inaugurated its service to Bangkok on Friday evening December 9 as scheduled.

On board the inaugural flight were the State Secretary and senior representative of the Brunei Government, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz, the State Financial Officer and Royal Brunei Deputy Chairman, Pehin Orang Kaya Khazanah Negara Laila Diraja Dato Laila Utama Awang John Lee and Royal Brunei General Manager, Mr. Alan Douglas.

Other guests included Lieutenant Colonel Pehin Datu Indera Setia Dato Paduka Awang Sulaiman bin Haji Damit of the Royal Brunei Malay Regiment, the UK Civil Aviation Authority and Advisor to the Department of Civil Aviation Brunei, Mr. R. Williams and the Engineering Manager of Royal Brunei Airlines, Mr. K. Morcy.

Also on board were representatives of Brunei's travel industry, travel writers and a TV film crew.

On the following day Mr. Douglas hosted a luncheon for Thai International management at the Siam Inter-Continental hotel.

In the afternoon the inaugural guests went on a tour of the Thai capital and visited the floating market at Damern Saduak.

In the evening Royal Brunei held a gala cocktail reception for government officials, members of the travel industry and inaugural VIP guests in the Oriental Hotel's Grand Ballroom.

The inaugural guests also had lunch at the Rose Garden on Sunday and Thai International, Royal Brunei's General Sales Agent, hosted a Thai lunch for the Brunei visiting agents the next day.



The State Secretary, the Hon'ble Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz followed by his wife Datin Hajjah Zahrah binte Haji Idris arriving at Bangkok's Don Muang Airport.

# RBA appoints Customer Service Officer

BANDAR SERI BEGAWAN.—Royal Brunei Airlines has announced that it has appointed Mrs. Prasai Yosviriyapanich as Customer Service Officer for Thailand.

Mrs. Prasai, 32 years-of-age, previously worked as a passenger officer for British Airways from 1969 to 1977.

Royal Brunei's airline desk is located at Thai International ticketing office in Silom Road.

Mrs. Prasai will look after passenger traffic for Royal Brunei out of Thai's Silom Road office and Bangkok's Don Muang Airport.



THE BSP's Trade Relations Adviser, Mr. B. Livingstone (right), presenting a student the Shell Merit Prize at a ceremony for winners of the prize held at the Kiudang Malay School in the Tutong District last Tuesday.

She is among three hundred and seventy-six recepients from secondary and primary schools throughout the State who have been recommended by their respective principals and the education authorities as the best students for 1977.

Other presentation ceremonies had also been held at the Dewan Ria, Temburong, the Shell Recreation Club, Seria and the Amar Pahlawan Malay School, Berakas.

The last ceremony is scheduled to be held today at the Civic Centre in Kuala Belait.

# Exhibition commemorates victory

KOTA BATU.—A month-long exhibition on Koran reading is presently being held at the Brunei Museum here.

The exhibition, which held its preview on December 10, commemorates the victory of the State Koran reading champion, Awang Haji Mashud bin Haji Awang Damit, at the International Koran Reading Competition held in Kuala Lumpur three months ago.

The exhibits included prizes and souvenirs won by the champion at the International Koran Reading and other competitions.

The picture below shows from left to right Awang Haji Mashud, the State Religious Affairs Officer Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohammad Zain bin Haji Serudin and the General Adviser to the Sultan, Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama, Awang Isa who were among about hundred people at the preview.





Members of one of the Malaysian Red Cross teams are seen right busy attending to a 'victim' of a road accident during the annual first aid and home nursing competition organised by the Belait Red Cross at the Suri Seri Begawan hospital, Kuala Belait last week.

The teams were from Miri, Labuan and Limbang. Other participants besides the Belait District itself were from the Brunei / Muara and Tutong districts.

The competition was opened by the Director of Welfare, Youth and Sports, Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussein.



Some of the sixty students from the Muda Hashim Malay School, the Tutong English Preparatory School, the Sangkarai Malay School and the Chung Hwa Chinese School, all in the Tutong District, all set to take part in Brunei Shell's traffic game held at the Sufri Bolkiah English School in Tutong Town last week.

The game, the third to be organised by Shell's Trade Relations Department, was aimed at teaching children road safety the fun way.

It was declared open by the Assistant District Officer, Awangku Mohiddin bin Pengiran Hashim.

# Apa Dia "Semantik" (Siri ke-5)

Oleh :
AWG. RAYMOND PHOA KIM HONG

**Petikan dari PELITA BRUNEI, keluaran TAHUN 14, BILANGAN 26, 16hb Julai, 1969.**

**PERBINCHANGAN kita kali ini berkisar dalam istilah 'eufemia' atau 'eufemismus'. Adapun istilah 'eufemia' berasal dari bahasa Yunani atau dalam bahasa Latin-nya ia-lah 'eufemismus' dengan erti bahasa penghalus, pemanis, pelembut.**

**Istilah ini meliputi sa-kurang2-nya tiga kawasan; dalam bidang keperchayaan, bidang sosial (masharakat) dan bidang sopan-santun. Mithal-nya, orang2 yang berburu di-hutan menyebut harimau dengan kata 'nenek', 'si-tua' atau 'pak belang'. Orang yang di-pechat atau di-berhentikan dari jawatan mereka di-sebut dengan kata 'mereka di-remajakan', dan orang2 yang hendak ka-tandas mengatakan 'hendak ka-belakang' dan sa-bagai-nya.**

Bagi renongan kita bersama kali ini kita ambil-lah saja bahasa pemanis di-bidang sosial (masharakat). Terlebeh dahulu saya akan bachakan sa-buah risalah pendek mengenai tajok "Tujuan Hidup". Sa-sudah itu baru-lah saya berikan kiasan halus atau bahasa pemanis yang sesuai di-pakai kapada mereka2 yang tidak punya 'tujuan hidup' yang tertentu dalam kehidupan mereka itu.

Banyak manusia tidak mempunyai tujuan hidup yang tertentu. Mereka ada-lah bagaikan bahtera tanpa pedoman, belayar mengikut arah hembusan angin sahaja. Mereka hidup bergantong kapada nasib samata2, sa-olah2 puntong kayu yang terumbang-ambing di-atas permukaan ayer laut, mengikut alunan ombak, melaut atau memantai. Beberapa dari mereka itu ada juga yang sa-bagai manusia berfahaman saperti 'getah chair' — tidak punya pendirian tetap di-dalam sa-suatu hal.

Sa-orang manusia harus-lah mempunyai suatu tujuan hidup yang tertentu. Sa-orang manusia itu dapat-lah di-umpamakan sa-bagai sa-buah kapal yang punya pedoman dan belayar ka-arah satu tujuan yang tertentu, katakan-lah berpandukan kapada hembusan angin, tetapi yang di-gerakkan, di-lajukan oleh tenaga enjin mesin-nya sendiri, bahkan walaupun ada angin taufan, ia dapat terus maju ka-hadapan dengan gagah-nya.

Memang tepat-lah kira-nya kalau kita ingat peribahasa yang berbunyi 'hujan panas permainan hari, senang susah permainan hidup', dengan erti bahawa dalam kehidupan sa-hari2, tidak-lah kita akan terlepas daripada keadaan senang dan susah-nya, suka dan duka-nya. Hanya yang mesti menjadi salah satu bekal hidup kita pula ia-lah petua2 lama yang berkata bahawa 'di-mana ada kemahuan di-situ ada jalan'.

Maka sa-bagai sa-orang manusia, kita memerlukan chita2 yang bukan saja terpanchang sa-bagai panji2 bendera di-hadapan kita, chuba sa-daya upaya menchapai-nya. Sa-barang apa chita2 yang kita azamkan itu harus-lah kita perjuangkan dalam erti dengan tidak jemu-nya berusaha menchapai-nya. Umpama-nya, belajar, belajar, belajar hingga dapat sijil rendah, menengah, atas, maktab, universiti dan sa-terus-nya. Oleh kerana sa-orang yang hendak menchapai punchak Everest — Gunong Himala-ya — umpama-nya, harus-lah ia memanjat, mendaki ka-atas, bukan hanya memandang, menatap-nya dari bawah. Bukan-kah pepatah Melayu telah mengatakan, 'Orang yang menunggu di-perigi itu masakan ia mati dahaga', dalam erti orang yang berhampiran dengan orang yang berilmu itu tidak-lah akan menjadi bodoh sahaja.

Manusia dalam dunia ini punya chita2 yang beraneka ragam. Ada yang hanya berchita2 menerima sahaja sa-olah2 dia menganggap Allah s.w.t., dunia sa-mesta alam dan sekalian-nya makhlok manusia berhutang budi kapada-nya. Ada pula yang hanya berchita2 memberi sahaja tanpa perkiraan sama sa-kali sabagaimana di-sebut dalam perumpamaan, 'saperti sumbu pelita, menerangi orang lain, membakar diri sendiri' — dengan maana orang yang sanggup mengorbankan diri-nya kerana berkhidmat atau berjasa kapada orang lain, tak mengira keadaan diri-nya.

Walau bagaimanapun, sa-barang apa saja chita2 sa-seorang itu, harus-lah ia-nya baik dan mulia. Kalau pakar2 bahasa dan sastera berkata bahawa bahasa itu ada-lah chermin fikiran, perasaan dan pengalaman dalam erti bahasa perchakapan. Pertutoran sa-seorang itu dapat kita lihat dan ketahui isi fikiran-nya, perasaan dan pengalaman-nya sekarang maupun kelak. Oleh kerana tujuan hidup atau chita2 baik akan mengakibatkan sa-orang itu baik, demikian juga-lah sa-balek-nya.

Memang benar juga, tidak-lah semua-nya chita2 yang di-chita2kan oleh sa-seorang itu terkabul atau pun wujud, itu sebab-nya manusia perchaya kapada takdir dan itu sebab-nya pujangga Inggeris—Shakespeare berkata, 'Dunia ini bagaikan pentas sendiwara dan manusia di-dalam-nya bagaikan pelakun, masing2 dengan peranan-nya sendiri'.

Tetapi bagi kita, yang mustahak sa-kali ia-lah dengan ada-nya tujuan hidup tertentu atau chita2 mulia di-depan mata fikiran kita, ia-nya mesti ada kemahuan dan dengan sendiri-nya pula akan di-ikuti oleh jalan-nya. Patut-lah sering kita mendengar orang berseru 'Life is a struggle' — hidup bererti berjuang menchapai sa-suatu, katakan-lah menchapai kejayaan dalam pepereksaan Sijil Cambridge, atau sijil S.T.P. bagi mereka yang mendudoki dalam tingkatan 5 dan 6 atas.

Pendek kata, sa-sudah sa-seorang itu mempunyai tujuan hidup tertentu—chita2 mulia—maka harus-lah pula ia mempunyai kemahuan yang tak kunjong padam. Kerana kebanyakan daripada usaha2 manusia yang gagal, tidak berjaya, berpuncha kapada kurang-nya kemahuan atau kerana lemah-nya kemahuan.

Tidak-kah pernah saudara-saudari mendengar sa-orang pelajar berkata dengan mengeluh. 'Ah, apa guna-nya belajar terus, toh akan gagal juga dalam pepereksaan akhir tahun ini,' atau 'Ah, tak dapat-lah saya belajar, sangat sukar di-mengerti, lebeh baik angkat tangan saja, chari kerja saja'. Yah, kata2 demikian harus-lah di-jauhkan. Sa-bagaimana pernah di-katakan oleh Kaisar Peranchis zaman dulu, ia-itu Napoleon, 'Kata mustahil ataupun tidak mungkin tidak terdapat dalam perbendaharaan kata kamus dan ensiklopedia saya!'

Bagi orang yang tidak punya chita2 tertentu apa yang harus kita katakan, nasihatkan? Harus-lah kita katakan dengan kasar, 'He, jangan bodoh-lah' Sudah tentu tidak harus kita pakai istilah 'eufemia' atau 'eufemismus', bahasa pemanis, umpama-nya, 'Tanam-lah padi, agar kelak saudara menuai padi dan mendapat beras!'

Di-minggu akan datang saya akan mengakhiri tajok perbinchangan 'Apa Dia Semantik?' dalam siri ke-enam, dengan mengulas sa-mula satu pokok perbahasan yang telah pernah di-bicharakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr.) Haji Mohd Jamil Al-Sufri mengenai istilah 'kunjong'.




# HARAPAN KAPADA PELAJAR2

Oleh :
IDRIS ABDUL GHANI

**Petikan dari PELITA BRUNEI, keluaran TAHUN 15, BILANGAN 14, 28hb Januari, 1970.**

**MEMANG umom-nya mengakui, sa-suatu perjuangan yang di-tuju bagi membela hak dan kebenaran, kemuliaan, keagongan serta mengejar chita2 sangat-lah banyak halangan dan rintangan, kesusahan, kepayahan, penyejok kemahuan dan penumpol semangat. Apa lagi kalau perjuangan itu berhadapan dengan kesulitan yang tidak dapat di-elakkan lagi, maka terpaksa-lah kita menjalankan apa saja usaha daya bagi memperkuatkan semangat dan chita2 serta tabah bagi mematahkan segala rintangan yang menghalang.**

Kadang-kala mata menjadi gelap dari chahaya kebenaran, kerana kekuatan lawan menjalankan jarum-nya demi untok mempertahankan kedudokan-nya dan mematahkan perjuangan kita itu. Lawan itu mungkin akan menggunakan segala pengaroh-nya, deringan wang ringgit-nya, kesenangan dan kemewahan-nya. Ada masa-nya pula mendapatkan sokongan dari pehak yang tertentu di-samping menggula2kan pujok dan tawaran2 yang melilehkan ayer lior sa-hingga segala anasir penentang itu berpechah belah, berlawan sa-sama sendiri.

Untok menghadapi perjuangan membela hak dan mengejar chita2 hidup yang pasti hebat dan ngeri itu dan juga untok mendapatkan ilmu pengetahuan, perlu-lah kapada kekuatan iman. Kerana kekuatan iman itu-lah yang di-harapkan mengubati chahaya menerangi hati pejuang yang kusut dan sempit.

Perchaya-lah dengan ada-nya kekuatan iman itu-lah yang memberikan kekuatan kapada tenaga pejuang yang di-lumpohkan oleh perjuangan dan yang memenangkan rasa kechekalan dan keyakinan kapada hati. Walau bagaimana pun untok menghadapi perjuangan2 di-medan pelajaran itu kita pasti dan terpaksa membeli kesusahan dengan harga yang mahal dan menjual dengan harga yang murah.

Kita hidup ada-lah untok memenohi kewajipan, kerana kewajipan-lah kita di-hidupkan. Untok memenohi erti kewajipan di-dalam hidup itu kita sentiasa menghadapi perjuangan. Ketahui-lah, perjuangan tidak akan berkesudahan sa-lagi darah mengalir di-badan. Tiap2 perjuangan berkehendakkan pengorbanan. Tiap2 pengorbanan berkehendakkan lantas perjuangan di-medan pelajaran.

Untok menunaikan tugas dan memenohkan kewajipan perjuangan hidup sa-bagai sa-orang anggota masharakat dan sa-bagai sa-orang pelajar, berkehendakkan jua jiwa yang dinamis. Dinamis yang menarek segala kemampuan dan kesanggupan yang ada demi untok menenangkan faham, iman dan keyakinan.

Ajaran iman dan keyakinan ugama mengajarkan kapada kita bahawa; 'tiada kemenangan dengan tidak ada pengorbanan.'

Ingat-lah wahai pelajar! zaman sekarang ada-lah zaman perlumbaan. Sa-hari demi sa-hari bangsa manusia berkembang biak, pengetahuan-nya beraneka warna dalam berbagai lapangan, berchakap dalam pusparagam bahasa, dengan adat istiadat yang berlainan serta berlumba di-antara satu sama lain dalam segi perjuangan hidup. Perkembangan masharakat-nya bertambah nyata dari sa-hari ka-sa-hari, yang berasal masharakat rumah tangga dan keluarga, masharakat kaum dan desa, masharakat daerah dan kota, masharakat nasional dan antarabangsa.

Tiap2 perjalanan masharakat ini memakan tempoh yang panjang, menghendaki tabah dan sabar, memerlukan pengorbanan jiwa dan harta-benda yang tidak ternilai. Sa-bagai akibat-nya ada bangsa yang timbul, ada pula yang hilang, ada bangsa yang maju kemuka dan ada pula yang mundor terator ka-belakang. Pendek-nya hujan dan panas, sakit dan senang, kuat dan lemah, siang dan malam ada-lah sileh berganti merupakan suasana dan peristewa kesusilaan masharakat umat manusia di-dunia ini.

Oleh kerana besar-nya arus dan gelombang turun naik bahtera masharakat dan tingkatan serta darjat kedudokan manusia, maka sa-seorang anggota masharakat harus hati2 menggambar dunia pengalaman, mengharongi samudera ilmu pengetahuan serta kebijaksanaan melanchong daratan dalam medan perlumbaan. Ia mesti waspada, awas dan hemat chermat dalam segala tindakan-nya. Ia mesti bersifat jujor, taat setia dan bertanggong-jawab kapada masharakat. Mesti-lah suka berkorban dengan fikiran dan tenaga. Sa-terus-nya mereka mesti sentiasa menjauhi sifat sombong, takbor, tinggi hati, jahil murakab, suka shor, hasad, rendah chita2 dan hemat, serta lain2 sifat yang tidak di-ingini oleh masharakat dan tidak memberi guna kapada tanah ayer.

# Jadual lawatan Perpustakaan Bergerak bagi 26hb. hingga 31hb. Disember 1977

| TEMPAT PERSINGGAHAN | TARIKH | HARI | MASA |
|---|---|---|---|
| Berakas English School (Bahagian Rendah) | *26.12.1977 | Isnin | 2.00- 3.00 petang |
| Berhadapan Kedai, Kampong Perpindahan | *26.12.1977 | Isnin | 3.30- 5.30 " |
| Sekolah Melayu Orang Kaya Besar Imas, Subok | *27.12.1977 | Selasa | 8.30- 9.30 pagi |
| Sekolah Melayu Datu Mahawangsa, Lambak | *27.12.1977 | Selasa | 10.30-11.30 " |
| Sekolah Melayu Dato Gandi | 28.12.1977 | Rabu | 8.30- 9.00 " |
| Sekolah Melayu Serasa | 28.12.1977 | Rabu | 10.00-10.30 " |
| Sekolah Melayu Mentiri | 28.12.1977 | Rabu | 10.45-11.15 " |
| Sekolah Melayu Sultan Abdul Bubin, Sungai Besar | 28.12.1977 | Rabu | 11.30-12.00 T/hari |
| Kawasan Rumah Ketua Kampong, Serasa | 29.12.1977 | Khamis | 3.15- 4.15 petang |
| Kawasan Rumah Ketua Kampong, Masjid Lama, Muara | 29.12.1977 | Khamis | 4.30- 5.30 " |
| Kawasan Masjid, Kampong Sengkurong | 31.12.1977 | Sabtu | 2.00- 3.00 " |
| Sekolah Melayu OKSB, Kilanas | 31.12.1977 | Sabtu | 3.15- 4.15 " |
| Sekolah Melayu Bendahara Sakam, Bunut | 31.12.1977 | Sabtu | 4.30- 5.30 " |

* Chuti Hari Kerimas.













# Hari Pelajar

DEMIKIAN pula di-saat ini ketika berakhir-nya penggal persekolahan akhir tahun di-seluroh negeri, sekolah2 rendah dan maktab sebok menjalankan kegiatan2 HARI PELAJAR masing2. Sambutan yang di-adakan berasingan itu sa-telah upachara rasmi pembukaan HARI PELAJAR di-langsongkan di-Padang KBRC, Kuala Belait pada 6hb Nobember yang baru lalu menampakkan satu lagi kemajuan di-bidang pelajaran negeri kita dalam usaha masharakat dan negara mengasaskan PELAJARAN sa-bagai MEMBENTOK KEPERIBADIAN BANGSA kita Brunei Darussalam. Itu-lah juga thema sambutan HARI PELAJAR tahun ini. Dalam gambar2 yang di-siarkan di-sini sabahagian dari murid2 sekolah rendah menyambut dengan penoh riang HARI PELAJAR mereka. Sambutan HARI PELAJAR yang tertera ini telah di-adakan oleh murid2 Sekolah Melayu Panchor Murai di-Daerah Brunei dan Muara.



# PENYAMPAIAN HADIAH KEPUJIAN SHELL

DALAM membentok masharakat yang berpelajaran dan berpendidekan di-negeri kita i, penglibatan Sharikat Minyak Shell yang berrusan dalam bidang pelajaran memang tidak apat di-ragukan. Kerana itu sumbangan yang lah di-lakukan sejak tahun 1957 yang berupa adiah2 kepujian kapada penuntut2 dan murid2 ang terbaik dalam bidang pelajaran-nya di-seluh negeri, menampakkan keghairahan yang menglakkan. Tahun ini lebeh 300 orang murid dan enuntut menerima hadiah kepujian mereka. Dan ertempat di-Padang Minyak Seria pada hari Khamis, 15hb Disember yang baru lalu, sa-ramai 5 orang penuntut dari sekolah2 menengah dan aktab2 telah berkumpol untok menerima hadiah asing2.

Sa-belum penyampaian hadiah di-jalankan enuntut2 tersebut telah di-berikan penerangan erhubong dengan perusahaan minyak di-negeri ini di-Bilek Penerangan, Sharikat Minyak Shell. Sa-telah itu mereka telah di-bawa melawat2 kabeberapa bahagian sharikat tersebut termasok melawat Makmal Loji, Pusat Latehan Teknikal Shell dan melawat Telaga Minyak. Gambar2 ang tersiar dalam ruangan ini menunjokkan beerapa sudut sekitar lawatan dan majlis penyamaian hadiah tersebut.















**Kemalangan jalan raya ? Bukan, ini ada-lah salah satu achara pertandingan pertolongan chemas yang telah di-adakan di-Kuala Belait baru2 ini (gambar atas). Mengetahui serba sedikit chara2 memberikan pertolongan sa-masa kechemasan ada-lah perlu bagi sa-orang saperti yang di-lakukan oleh ahli2 Palang Merah ini. Di-samping itu kita juga mesti-lah mematohi peratoran2 lalu-lintas demi mengelakkan berlaku-nya kemalangan jalan raya. Untok menunjokkan chara2 yang betul apabila menggunakan jalan raya, satu permainan lalu-lintas telah di-adakan di-Tutong pada hari Ahad lalu (atas kanan). Permainan lalu-lintas itu di-anjorkan oleh Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad.**

SIARAN BAHAGIAN MELAYU RADIO BRUNEI DI-PANCHARKAN MELALUI GELOMBANG2 SEDERHANA 517, 335 DAN 447 METER, SERTA GELOMBANG PENDEK 61 METER. SIARAN INI JUGA BOLEH DI-IKUTI MELALUI PERKHIDMATAN FM STEREO 92.3 MEGA-HERTZ BAGI DAERAH BRUNEI/MUARA DAN TEMBURONG SERTA 93.8 MEGA-HERTZ BAGI DAERAH2 TUTONG, SERIA DAN KUALA BELAIT.

# SUSUNAN RANCHANGAN MINGGUAN RADIO

## RABU

**PAGI:** 6.00—Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Susunan ranchangan di-bachakan; 6.05— Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita di-ikuti oleh pimpinan illahi. Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10 — Renongan bersama; 7.13 — Hiboran sambil sarapan; 8.00 — Sains dan perusahaan (su); 8.30 — Seloka remaja; 9.00 — Dendang antarabangsa; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Hiboran selingan; 10.30 — Untok kaum tani (su); 11.00 — Lagu untok mu (su); 11.30 — Autograph radio (su). **T/HARI:** 12.00—Permintaan hari Rabu; 12.26—Azan untok fardhu Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00—Hiboran lagu pop; 1.30—Dunia pelajar (su). **PETANG:** 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.02 — Bisekan sukma; 5.30 — Tanda dan Warta Berita; 5.45—Irama di-senja; 6.21 — Azan untok fardhu magrib di-ikuti oleh bachaan ayat2 suchi Al-Kor'an; 6.30 — Tafsir Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM:** 7.00—Permintaan perajurit; 7.36—Azan untok fardhu Isha; 7.39—Mutiara hikmat; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Belia zaman ini; 9.00 — Hiboran pilehan; 9.30 — Foram di-radio/dari rakaman kami (su); 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita di-ikuti oleh pimpinan illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## KHAMIS

**PAGI:** 6.00—Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Susunan ranchangan di-bachakan; 6.05— Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita di-ikuti oleh pimpinan illahi. Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10 — Renongan bersama; 7.15 — Hiboran sambil sarapan; 8.00 — Mutiara hikmat (su); 8.30 — Dendang antarabangsa; 9.30 — Cheramah minggu ini; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Rampaian London; 10.30 — Taman mekar (su); 11.00—Bisekan sukma (su); 11.30—Rampaian irama. **T/HARI:** 12.00—Komintar minggu ini (su); 12.26—Azan untok fardhu Dzohor; 12.15 — Hiboran rampaian tengah hari; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Hiboran menjelang rehat. **PETANG:** 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat; 5.02 — Lagu untok mu; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Suntingan Khutbah Jumaat; 6.21 — Azan untok fardhu Magrib di-ikuti oleh bachaan ayat2 suchi Al-Koran; 6.20 — Rampaian di-senja; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM:** 7.00—Hidayat; 7.36 — Azan untok fardhu Isa; 7.39 — Permainan gambus; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Dendang sa-irama; 9.00 — Sandiwara radio (su); 9.30 — Hiboran malam; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita di-ikuti oleh pimpinan illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## JUMAAT

**PAGI:** 6.05—Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita di-ikuti oleh pimpinan illahi. Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10 — Renongan bersama; 7.13—Dendang suria; 8.00 — Meninjau ka-kampong2; 8.30 — Pelajaran dewasa di-udara; 9.00 — Permintaan dari pancharagam; 9.30 — Tafsir Al-Koran; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.10 — Soalan di-udara; 10.30 — Kursus Al-Koran; 11.00 — Foram di-radio; 11.30 — Hidayat (su). **T/HARI:** 12.00 — Irama gambus; 12.30 — Menunaikan Sembahyang Fardhu Jumaat Siaran Langsong dari Masjid Omar Ali Saifuddin; 1.15 — Irama padang pasir; 1.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.45—Lagu2 selingan. **PETANG:** 2.00 — Hiboran pilehan; 2.30 — Belia zaman ini (su); 3.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.15 — Dalam simpanan kami; 3.45 — Azan untok fardhu Asar; 3.48 — Taukah awda; 4.15 — Hiboran rampaian; 4.30 — Sajak dan irama; 5.00 — Permintaan jiran tetangga; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 Bakat minggu ini; 6.00 — Irama lagu asli; 6.21 — Azan untok fardhu magrib di-ikuti oleh bachaan ayat2 suchi Al-Koran; 6.25 — Irama padang pasir; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM:** 7.00 — Cherpen dan salokan-nya 7.36 — Azan untok fardhu Isha; 7.39 — Senandong ria; 8.00—Tanda Waktu dan Warta Berita, berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Persembahan pancharagam; 9.00 — Autograph pendengar; 9.30 — Rampaian malam; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita, di-ikuti oleh pimpinan illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## SABTU

**PAGI:** 6.05—Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita di-ikuti oleh pimpinan illahi. Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10 — Renongan bersama; 7.13 — Hiboran sambil sarapan; 8.00 — Apa pendapat awda; 8.15 — Dendang antarabangsa; 9.15 — Majallah Commonwealth; 9.30 — Dendang sa-irama (su); 10.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.10 — Selingan irama; 10.30 — Taukah awda (su); 11.00 — Hiboran pilehan; 11.30 — Tetamu minggu ini (su). **T/HARI:** 12.00 — Peristewa dunia minggu ini; 12.26—Azan untok fardhu Dzohor; 12.30—Hiboran rampaian tengah hari; 12.45— Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Permintaan hari Sabtu. **PETANG:** 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat; 5.02 — Bakat minggu ini (su); 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45—Senandong lagu2 lama; 6.21—Azan untok fardhu Magrib, di-ikuti oleh bachaan ayat2 suchi Al-Koran; 6.50—Bingkisan hari ini, **MALAM:** 7.00—Chitra irama; 7.36—Azan untok fardhu Isha; 7.39—Bertutoran (su); 8.00—Tanda Waktu dan Warta Berita, berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Mari berpantun sambil bersenda (su); 9.00 — Dongeng Purba (su); 9.30—Lagu2 asli Brunei; 10.00—Tanda Waktu dan Warta Berita, di-ikuti oleh pimpinan illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.20 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## AHAD

**PAGI:** 6.00—Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Susunan ranchangan di-bachakan; 6.05— Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, pimpinan illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10 — Renongan bersama; 7.13 — Dendang suria; 8.00 — Majallah radio; 8.30 — Mari berpantun sambil bersenda; 9.00 — Keluarga si-awang; 9.30 — Taman mekar; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Permintaan antarabangsa; 11.00 — Dunia wanita; 11.30 — Hello siapa di-sana. **T/HARI:** 12.00—Sandiwara radio; 12.26 — Azan untok fardhu Dzohor; 12.30—Rampaian tengah hari; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Pesta ria; 1.45 — Surat dari London. **PETANG:** 2.00 — Review berita minggu ini; 2.30 — Pesta pop; 3.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.15—Dongeng purba, 3.45 — Azan untok fardhu Asar; 3.48 — Lagu untok mu; 4.15—Keluarga jaya; 4.45—Cherpen dan salokan; 5.15—Aneka rama; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Rampaian di-senja; 6.21—Azan untok fardhu magrib, di-ikuti oleh bachaan ayat2 suchi Al-Koran; 6.20 — Persembahan aneka instrumental; 6.50—Bingkisan hari ini. **MALAM:** 7.00 — Suara perajurit; 7.36 — Azan untok fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, berita tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban, 8.30 — Hiboran malam; 9.00 — Brunei Darussalam; 9.30 — Meninjau ka-kampong (su); 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita, di-ikuti oleh pimpinan illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## ISNIN

**PAGI:** 6.00—Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Susunan ranchangan di-bachakan; 6.05— Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita di-ikuti oleh pimpinan illahi. Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10 — Renongan bersama; 7.13 — Hiboran sambil sarapan; 800 — Peristewa dunia minggu ini (su); 8.30 — Dendang antarabangsa; 9.30 — Sains dan perusahaan; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Suara perajurit (su); 11.15 — Brunei Darussalam; 11.45 — Chitra Irama (su). **T/HARI:** 12.15—Hiboran rampaian tengah hari; 12.28— Azan untok fardhu Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Keluarga jaya (su); 1.30 — Hiboran menjelang rehat. **PETANG:** 2.00—Siaran Melayu berhenti rehat; 5.03 — Apa Pilehan Awda; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Hiboran di-senja; 6.24—Azan untok fardhu magrib, di-ikuti oleh bachaan ayat2 suchi Al-Koran; 6.27 — Irama padang pasir; 6.30 — Bingkisan hari ini. **MALAM:** 7.00 — Arena sokan; 7.39 — Azan untok fardhu Isha; 7.42 — Keluarga si-awang (su); 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Komintar minggu ini; 8.45 — Serbanika persembahan; 9.15 — Bertutoran; 9.30 — Lagu2 permintaan malam Isnin; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita, di-ikuti oleh pimpinan illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## SELASA

**PAGI:** 6.00—Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Susunan ranchangan di-bachakan; 6.05— Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita di-ikuti oleh pimpinan illahi. Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10 — Renongan bersama; 7.13 — Hiboran sambil sarapan; 8.00 — Dunia wanita (su); 8.30—Dendang antarabangsa; 9.30 Rampaian London; 9.45 — Hiboran pilehan; 10.00 — Tanda Waktu2 dan Warta Berita; 10.15 — Serbanika persembahan; 10.45 —Cheramah minggu ini; 11.15 — Pusparagam; 11.30 — Majallah radio. **T/HARI:** 12.00—Hiboran rampaian tengah hari; 12.28 — Azan untok fardhu Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Persembahan pancharagam; 1.30 — Pelajaran dewasa di-udara. **PETANG:** 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.00 — Arena sokan; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Hiboran rampaian; 6.24 — Azan untok fardhu magrib, di-ikuti oleh bachaan ayat2 suchi Al-Koran; 6.40 — Persembahan instrumental; 6.50—Bingkisan hari ini. **MALAM:** 7.00 — Review berita minggu ini (su); Azan untok fardhu Isha; 7.30 — Untok kaum tani; 8.00—Tanda Waktu dan Warta Berita, berita tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30—Dunia pelajar; 9.00 — Permintaan Pulis Diraja; 9.30 — Sajak dan irama (su); 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita, di-ikuti oleh pimpinan illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.30 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamtakan.



BAHAGIAN Melayu Radio Brunei telah membuat ranchangan khas mengenai dengan pembedahan pemindahan mata yang pertama di-lakukan di-negeri ini yang mana tiga orang adek beradek telah menerima derma mata. Ranchangan khas itu telah di-siarkan melalui Radio Brunei pada hari Isnin minggu lalu.

Satu ranchangan lagi ia-itu temu-ramah antara Dayangku Mariam dengan dua dari tiga pesakit itu juga telah di-siarkan pada hari Ahad 18hb yang lalu. Temu-ramah itu ia-lah antara Awang Zainal dan adek perempuan-nya Dayang Mazrina, sa-lepas lima hari mereka menjalani pembedahan tersebut (gambar atas). Yang sedang berbaring di-sebelah kiri ia-lah adek mereka Awang Hamdi.

Bahagian Inggeris juga telah membuat rakaman mengenai dengan pembedahan itu. Gambar bawah kelihatan Dayang Evelyn Samuel menemuramah Dr Andy Richards yang telah melakukan pembedahan yang bersejarah itu.



## "APA PILEHAN AWDA"



PESERTA yang akan mendapat peluang untok memileh lagu2 dalam ruangan "Apa Pilehan Awda" minggu ini ia-lah Awang Roslan bin Awang Damit, Bahagian Failing, Ibu Pejabat Kerja Raya, Bandar Seri Begawan, Brunei.

Awang Roslan akan memileh tujoh buah lagu kegemaran-nya yang akan di-siarkan melalui Radio Brunei pada hari Isnin 26hb Disember, 1977.

# DAN tv BRUNEI

**Pehak Radio Talivishen Brunei berhak untok menukar mana2 jua ranchangan yang di-fikirkan perlu tanpa memberi tahu terlebeh dahulu.**

### RABU — 21HB. DISEMBER,

PETANG

- 5.45 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
- 5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.02 WILD, WILD WORLD OF ANIMALS "Secret of the Cave"
- 6.21 AZAN MAGHRIB
- 6.25 WILD, WILD WORLD OF ANIMALS — sambongan
- 6.30 THE FLINTSTONES — "Swimming Pool"

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.10 THE DUCHESS OF DUKE STREET — "A Matter of Honour" Louisa bersetuju memasak yang istimewa di-rumah Major Sir John Farjeon pada hujong minggu, tetapi apabila sampai ka-rumah bersama kawan2-nya di-dapati-nya rumah itu tidak terator.
- 8.00 THE TOP SECRET LIFE OF EDGAR BRIGGS "The Courier"
- 8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
- 8.45 MAJLIS PERBINCHANGAN Tajok kali ini ia-lah "Mana lebeh baik adat perkahwinan chara lama atau moden."
- 9.05 PERLAWANAN GUSTI
- 10.20 SHOW OF THE WEEK: "Magic Man" Kali ini Bill Bixy, pemain silap mata yang akan menunjokkan pertunjokkan saperti api, menggergaji sa-orang gadis menjadi kelihatan sa-paroh badan.
- 11.50 SIARAN TAMAT.

### KHAMIS — 22HB. DISEMBER,

PETANG

- 5.45 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
- 5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.02 THE BATFINK SHOW
- 6.21 AZAN MAGHRIB
- 6.25 THE BATFINK SHOW — sambongan
- 6.30 CHARLIE CHAPLIN COMEDY THEATRE

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.10 THE HIGH CHAPARRAL — "Destination Tucson"
- 8.00 PLAY SOCCER Jack Charlton's Way.
- 8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
- 8.45 HIDAYAT
- 9.15 TAYANGAN FILEM MELAYU — "Chinta Kaseh Sayang"
- 11.15 SIARAN TAMAT.

### JUMAAT — 23HB. DISEMBER,

PETANG

- 5.45 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
- 5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.02 MURAI — Kali ini adek2 akan dapat menyaksikan pertunjokkan karate, temu ramah, Ruangan Saya Mahu, Kuiz nyanyian dan cherita minggu ini.
- 6.21 AZAN MAGHRIB
- 6.25 MURAI — sambongan
- 6.32 SKIPPY THE BUSH KANGAROO "Sports of Kings"

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.10 THE BLACK AND WHITE MINSTREL SHOW
- 8.00 THE GOOD LIFE — "Backs to the Wall"
- 8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
- 8.45 SEKITAR TANAH AYER
- 9.05 DOCUMENTARY: "Earl Fatha' Hines"
- 9.55 MYSTERY MOVIE: Snoop Sisters "Fear is a Free Throw"
- 11.20 SIARAN TAMAT.

### SABTU — 24HB. DISEMBER,

PETANG

- 5.45 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
- 5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.02 JULIE ANDREWS ON SESAME STREET Dalam siri ini kita akan dapat mengikuti Julie Andrews di-London dan penyanyi2 jemputan saperti Perry Como dan Jim Henson dan penari2 Paddy Stone.
- 6.21 AZAN MAGHRIB
- 6.25 JULIE ANDREWS ON SESAME STREET — sambongan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.10 DON'T ASK ME CHRISTMAS SPECIAL
- 7.38 BLACK AND WHITE MINSTREL CHRISTMAS SHOW
- 8.25 PROGRAMME TRAIL
- 8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
- 8.45 PANCHAINDERA Pasokan2 yang menang akan di-adukan sekali lagi dalam ruangan panchaindera kali ini.
- 9.15 DRAMA "The Gathering"
- 11.15 CHAMPIONS ALL GYMNASTICS GALA 1977
- 12.15 SIARAN TAMAT.



Leningrad Ice Show.

### AHAD — 25HB. DISEMBER,

PETANG

- 3.45 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
- 3.48 TOUCHE TURTLE
- 4.15 THE ROVERS "Forget Me Not"
- 4.45 MOSCOW STATE CIRCUS Bahagian pertama Pertunjokkan circus yang paling besar dari artis2 sa-ramai lapan ribu orang dari universiti2 di-Soviet Union.
- 5.45 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.02 MOSCOW STATE CIRCUS — Bahagian kedua.

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.10 MORECOMBE AND WISE CHRISTMAS SPECIAL
- 8.10 WILDLIFE IN CRISIS "Rookery of Seals"
- 8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
- 8.45 QUEEN'S CHRISTMAS MESSAGE
- 8.55 SIX MILLION DOLLAR MAN "Rollback"
- 9.45 ANEKARAMA CHRISTMAS SPECIAL
- 10.45 BEST SELLERS: "Seventh Avenue" Bahagian ketiga.
- 12.40 SIARAN TAMAT.

### ISNIN — 26HB. DISEMBER,

PETANG

- 3.45 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
- 3.48 LITTLE HOUSE ON THE PRAIRIE "The Hunters"
- 5.00 LENINGRAD ICE SHOW — Bahagian pertama
- 5.45 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.02 LENINGRAD ICE SHOW — Bahagian kedua

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.10 CHARLIE'S ANGELS —
- 8.00 BEWITCHED — "Bewitched, Bothered and Infuriated"
- 8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
- 8.45 BOLA SEPAK
- 9.15 SERIKANDI — Di-dapor serikandi kita akan dapat menyaksikan bagaimana membuat masakan saperti membuat kichap, temu ramah dan kerajinan tangan.
- 9.45 SWITCH — "James Caan Con"
- 10.35 PORRIDGE CHRISTMAS SPECIAL
- 11.15 POLDARK — Episode kedelapan
- 12.05 THE STORY OF SILENT NIGHT
- 12.25 SIARAN TAMAT.

### SELASA — 27HB. DISEMBER,

PETANG

- 5.45 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
- 5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.02 SESAME STREET.
- 6.24 AZAN MAGHRIB
- 6.28 SESAME STREET — sambongan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.10 IT'S A KNOCKOUT
- 8.00 HOLMES AND YOYO
- 8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
- 8.45 SEKITAR TANAH AYER.
- 9.05 KOJAK — "Kojak's Day" Bahagian kedua
- 9.55 LUKE'S KINGDOM — "The Hypocrites"
- 10.45 DOCUMENTARY: "Lights, Camera, Monty"
- 12.00 SIARAN TAMAT.

# RADIO ENGLISH PROGRAMMES

### WEDNESDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30—Close Down. 11.00 — Opening Announcement—Lunch Music. NOON: 12.00 — Melody Time (repeat). PM: 12.30 — News; 12.45 — Sounds of '77; 1.00 — Close Down. 8.30 — Opening Announcement — My Music; 8.30 — Midweek Greetings by Sheikh Abbas; 9.15 — News; 9.30 — Dateline; 10.00 — Jazz Club — hosted by Hajjah Zainah; 10.30 — Close Down.

### THURSDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30—Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Thursday's Bandwagon — we invite you to hop aboard our non-stop musical express. NOON: 12.00 — My Music (repeat). PM: 12.30 — News; 12.45 — Rock Line; 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — The Young Sounds with Charan Chand; 8.30—The Tintner Lectures; 9.00 — "Our Brunei" produced by Evelyn Samuel; 9.15 — News; 9.30 — International Call; 10.00 — Music For Easy Listening with Sheikh Abbas; 10.30 — Close Down.

### FRIDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30—Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Sports Magazine; 11.15—Veronica Shim Calling On You. PM: 12.15 — International Money Programme; 12.30 — News; 12.45 — Our Brunei (repeat); 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Room 504; 8.30 —Light Music From The Netherlands; 8.45 — Nobody knows where the turtles goes; 9.15 — News; 9.30 — BBC World Report; 9.45 — Frank Muir Goes Into "Baredom"; 10.30 — A Date with Letterman; 10.30 — Close Down.

### SATURDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30—Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Room 504 (repeat); 11.30 — Women's World by Evelyn Samuel. NOON: 12.00 — The Ken Dodd Show (repeat); 12.30 — News; 12.45 — Agriculture — Key to Living; 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Top of the Pops; 8.30 — Just For Variety X'mas edition — with Sheikh Abbas; 9.15 — News; 9.30 — Saturday Mail Bag — Christmas edition; 11.00 — Sixty Minute Theatre: "Father Christmas"; 12.00—Christmas Carols; 12.30 — Close Down.

### SUNDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Christmas Morning Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreal; 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Children's X'mas Party; 12.00 — Top Of The Pops (repeat); 12.30 — News; 12.45 — Christmas with Ray Conniff; 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement—We wish you a Merry Christmas; 9.00 — Christmas at Cold Comfort Form — A short story read by Kennath Williams; 9.15 — News—(followed by Queen's X'mas Message if any); 9.30—The King Singers' Christmas Concert; 10.00 — Christmas with "The Neighbours"; 10.30 — The Best of Clitheroe: "It's A Gift"; 11.00 — Christmas Dance Party; 12.00 — Close Down.

### MONDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30—Close Down. 11.00 — Opening Announctment — Music-Go-Round . . . an uninterrupted programme of music and songs for your listening pleasure. NOON: 12.00 — Early Hancock (repeat); 12.30 — News; 12.45 — Interlude; 1.00—Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Monday's Night Mail presented by Hajjah Zainah; 8.45 — The Ken Dodd Show; 9.15 — News; 9.30 — Sixty-Minute Theatre: "Shapes in Another Day" by Bill Kirton; 10.30 — Close Down.

### TUESDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30—Close Down. 11.00 — Opening Announcement— Housewives' Special. NOON: 12.00 — Be My Guest (repeat). PM: 12.30 — News; 12.45 — Science Journal; 8.00—OpeningAnnouncement—Stereo Pop Special Featuring "Rod Stewart" Side 2; 8.30 — It's All Yours produced by Veronica Shim; 9.15 — News; 9.30 — Hello Tomorrow; 10.00 — Hits In Germany; 10.30 — Close Down.

# KERAJAAN SENTIASA MEMBANTU DAN MEMBIMBING BELIA2



GAMBAR atas kelihatan Yang Dipertua Majlis Belia2 Negeri Brunei, Awang Haji Jaya bin Abdul Latif, sedang menyampaikan uchapan-nya di-majlis dailog, di-Perkelahan Belia, di-Pantai Tungku, Gadong. Di-sebelah kanan, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Negara Pengiran Anak Tahiruddin.

Gambar kanan kelihatan Ketua Pegawai Kebajikan, di-Jabatan Kebajikan, Belia dan Sokan, Datin Hajjah Zaharah binte Haji Idris bersama pemimpin belia di-perkelahan tersebut. Lebeh 100 orang belia dan beliawanis di-seluroh negeri telah menghadhiri perkelahan itu atas anjoran Jabatan Kebajikan, Belia dan Sokan dengan Kerjasama Majlis Belia2 Negeri Brunei. Thema Perkelahan Belia itu ia-lah "Menilai semula belia dan pergerakan-nya."

Turut hadhir dalam perkelahan itu ia-lah Yang Berhormat Pehin O.K. Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussain dan Yang Berbahagia Pegawai Daerah Brunei/Muara, Awang Md. Salleh bin Haji Hidup.



PANTAI TUNGKU, Gadong. — Yang Dipertua Majlis Belia2 Negeri Brunei Awang Haji Jaya bin Abdul Latif menyatakan bahawa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia sentiasa memandang mustahak supaya kaum belia di-negeri ini di-bantu dan di-bimbing serta memberikan mereka itu galakan dan dorongan dengan harapan supaya mereka akan dapat mengambil bahagian yang aktif dan positif dalam pembangunan negara, sekarang ini.

Kata-nya, negara kita yang sedang membangun ini memerlukan tenaga belia2 yang penoh keyakinan dan keperchayaan atas kebolehan sendiri.

Beruchap dalam majlis dailog di-Perkelahan Belia, baru2 ini, beliau menambah, Brunei sa-bagai sabuah negara kechil, tapi sedang berusaha dengan penoh minat ka-arah kesempurnaan. Dan belia2 sa-bagai ahli masharakat di-negara yang terchinta ini harus-lah mempunyai tujuan hidup (sense of purpose), dalam usaha untok menegakkan masharakat yang adil-bahgia yang akan dapat di-warisi oleh jenerasi akan datang.

Belia2 pada hari ini akan menjadi pemimpin masharakat akan datang, sentiasa di-seru untok melengkapi diri mereka supaya akan dapat memainkan tanggong-jawab yang akan di-bebankan bagi memenohi kehendak2 masharakat moden yang berteraskan kapada unsor2 Ugama Islam sa-bagai ugama rasmi negeri ini serta adat resam keBruneian, jelas-nya.

"Saya perchaya dan yakin, dengan ada-nya bimbingan dan pimpinan dari Jabatan Kebajikan, Belia dan Sokan; kaum belia di-Brunei akan dapat memainkan peranan mereka dalam membangun masharakat yang dinamik dan penoh potential", ujar-nya.

Menyentoh keadaan Majlis Belia2 Negeri Brunei, beliau mengharapkan supaya terjalin persefahaman atau pengertian antara pemimpin dan orang yang di-pimpin dan di-sebalek-nya. Untok menetapkan tujuan dan sikap itu, kelasi dan kaptan sa-sebuah kapal itu harus bekerjasama serta tidak akan terdapat sebarang perchanggahan pada menuju matalamat yang di-chita2-kan itu.

"Kita tidak mahu saperti si-buta kehilangan tungkat!" kata-nya.

Masa depan Majlis Belia2 Brunei, ada-lah cherah dengan kerjasama pemimpin dan ahli2-nya pada menchapai matalamat kemakmoran, kebahagiaan serta keselamatan, tegas-nya.

DARI: PEMERHATI

BELIA DAN SOKAN

# Sekurang2-nya enam lumba basikal di-ranchangkan tahun 1978

PUSAT BELIA, Bandar Seri Begawan.—Sekurang2-nya sa-banyak enam perlumbaan basikal kebangsaan di-chadangkan akan di-anjorkan oleh Persatuan Lumba Basikal Amatur Brunei pada tahun 1978, akan datang.

Projek pertama yang di-ranchangkan untok di-anjorkan oleh persatuan itu ia-lah "Perlumbaan Basikal Uji Masa Berpasokan" (Team time trail) yang di-jangka akan di-langsongkan pada 29hb Januari, 1978 akan datang.

Ini telah di-nyatakan oleh Setia Usaha Agong Persatuan Lumba Basikal Amatur Brunei, Pengiran Haji Mohammad bin Pengiran Haji Chuchu, dalam sidang akhbar di-sini, minggu lalu.

Kemungkinan perlumbaan tersebut akan di-langsongkan bermula dari jalan baru Mabohai hingga ka-Kolam Berenang Anggerek Desa dan berpusing balek menunju jalan baru Mabohai, berulang2 kira2 sepuloh kali pusing, sa-jauh kira2 100 meter.

"Hanya ahli2 persatuan ini sahaja yang di-bolehkan mengambil bahagian dalam apa jua achara perlumbaan basikal, anjoran Persatuan Lumba Basikal Amatur Brunei. Borang2 untok menyertai perlumbaan tersebut boleh-lah di-dapati dari sekarang dari jawatankuasa atau pegawai persatuan di-daerah masing2. Tarikh tutop penyertaan ia-lah pada 15hb Januari, 1978.

Menurut Pengiran Haji Mohammad lagi, achara perlumbaan perseorangan atau berpasokan sa-chara memantai dan mengikut lorong juga di-chadangkan di-anjorkan oleh persatuan itu, di-samping menganjorkan perlumbaan antara sekolah2 dan maktab2 di-negeri ini.

Beliau juga mengharapkan kerjasama dari guru2 besar dalam menjayakan projek tersebut akan di-dapati dan satu perjumpaan dengan pehak2 berkenaan itu akan di-adakan pada tahun depan.

Di-tanya mengenai penyertaan pelumba basikal kita untok menyertai perlumbaan basikal antarabangsa, Pengiran Haji Mohammad menyatakan hal tersebut bergantong kapada kebolehan serta kechekapan pelumba basikal di-negeri ini pada masa akan datang.

Di-sokan Asia Tenggara yang baru lalu, kata-nya, kita telah mengambil bahagian dalam perlumbaan itu, dan walau pun kita gagal untok menchapai kemenangan; akan tetapi banyak pengalaman2 telah di-dapati dari perlumbaan tersebut termasok mendengar cheramah2 dari jurulateh lumba basikal, peratoran2 dan termasok pegawai2 dari persatuan ini di-bawa berbinchang dalam hal mengenai kedudokan Persatuan Lumba Basikal Amatur Brunei.

Kata-nya, Persatuan Lumba Basikal Amatur Brunei telah di-terima menjadi ahli bersekutu kapada Persekutuan Lumba Basikal Antarabangsa (FISC) dan Persatuan Lumba Basikal Asia.

Menurut-nya lagi, Persatuan Lumba Basikal Amatur Brunei (BACA) telah di-daftarkan serta di-luluskan pada 8hb Nobember, 1977 yang baru lalu. Dengan kemasokan persatuan ini menjadi ahli bersekutu Persekutuan Lumba Basikal Antarabangsa dan Bahagian Asia, membolehkan-nya menyertai apa jua jenis achara lumba basikal yang di-anjorkan oleh antarabangsa, pada masa akan datang.

Pengiran Haji Mohammad menasehatkan kapada pelumba2 basikal kita di-negeri ini supaya mematohi peratoran jalan raya semasa berlateh — jangan berlateh di-sebelah malam hari — jangan membuntut terak atau kereta terlalu dekat dan lain2 lagi demi menjaga keselamatan.

Di-tanya mengenai projek Perlumbaan dari Kuala Belait ka-Bandar Seri Begawan, anjoran Majlis Belia2 Negeri Brunei, Pengiran Haji Mohammad menyatakan ia-nya tergantong kapada keadaan sama ada Majlis Belia2 hendak meneruskan-nya — akan tetapi sambong-nya lagi, pehak Persatuan Lumba Basikal Amatur Brunei, sukachita menolong serta memberikan kerjasama pada bila2 masa di-kehendaki untok menjayakan perlumbaan basikal yang di-anjorkan oleh mana2 persatuan di-negeri ini.

Beliau juga menyeru kapada peminat atau pelumba basikal kita di-negeri ini supaya mengadakan latehan dengan serius untok menunjokkan kebolehan pelumbaan basikal kita di-negeri ini dalam perlumbaan antarabangsa nanti.



Kelihatan nombor empat dari kiri, Setia Usaha Agong Persatuan Lumba Basikal Amatur Brunei, Pengiran Haji Mohammad bin Pengiran Haji Chuchu, sedang menerangkan sesuatu berhubong dengan perlumbaan basikal kebangsaan, dalam sidang akhbar-nya yang pertama sejak persatuan tersebut di-daftarkan. Sidang akhbar tersebut di-hadhiri oleh wakil dari The Borneo Bulletin dan RTB, saperti kelihatan dalam gambar ini.

**KAN-HAL KITANI . . .**

- * Gagau kita 'Ngah ?
- † Bahapa 'Wang ?
- * Ka-sekolah, kitani !
- † Bahapa ka-sekolah ?
- * Melihat anak2 kitani !
- † Bahapa bisdia ?
- * Hari Pelajar ! ! !
- † Banar tu jangan lupa Hari Pelajar !
- * Bawa saudara-mara, kawan jua 'Ngah !
- † Mun miatu 'Wang, Baiktah.

# RAJIN DAN TEKUN PERLU BAGI CHAPAI KEJAYAAN

KIUDANG, Tutong. — Sa-suatu kejayaan yang hendak di-chapai dalam bidang ilmu pengetahuan ia-nya berkehendakkan beberapa sikap yang penting terutama-nya keazaman, kerajinan, ketekunan dan keyakinan perlu-lah sentiasa di-amalkan di-samping sanggup mengelakkan unsor2 yang akan melalaikan kita.

Awang Haji Hamdani bin Haji Abdul Rahman, Ketua Pegawai Derwasiswa dan Kesejahteraan telah beruchap demikian sa-laku wakil Jabatan Pelajaran di-upachara penyampaian hadiah2 kapada murid2 sekolah rendah dan persediaan Inggeris Daerah Tutong yang terbaik bagi tahun 1977 bertempat di-dewan Sekolah Melayu Kiudang pagi Selasa, 13hb Disember yang baru lalu. Sa-ramai 74 orang murid telah menerima hadiah kepujian itu.

Ketua Pegawai Dermasiswa itu menyatakan bahawa galakan dan dorongan bagi murid2 menchapai kemajuan dalam bidang pelajaran-nya sangat-lah perlu di-ambil perhatian oleh semua pehak dalam apa jua bentok dan chara yang terdaya, kerana tanpa galakan dan dorongan, sa-suatu kejayaan itu tidak akan dapat di-chapai sepenoh-nya.

"Dan kita menguchapkan shabas kapada Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad yang tidak kendor2-nya menjalankan peranan bagi kemajuan pendidekan di-negeri ini. Sharikat ini bukan sahaja memberikan hadiah tahunan saperti tujuan majlis kita pagi ini, ia-nya juga memberikan hadiah yang berupa wang sa-banyak $500.00 sa-orang pada sa-tiap tahun kapada pelajar2 yang dudok di-kelas2 menengah atas yang keluarga mereka kurang bernasib baik dalam penghidupan mereka, sedangkan penuntut itu mempunyai kemajuan pelajaran yang baik", jelas Awang Haji Hamdani.

Awang Haji Hamdani menambah kata, peranan Sharikat Minyak Shell yang merupakan satu sumbangan terhadap kemajuan dan perkembangan pelajaran di-negeri ini sa-jauh ini beberapa orang penuntut yang belajar di-seberang laut telah juga di-berikan biasiswa di-mana sa-bahagian dari mereka telah pun menerima ijazah dan diploma masing2 dan berkhidmat dengan Sharikat Minyak Shell. Ini patut-lah menjadi chontoh kapada badan2 swasta dan persendirian di-negeri ini.

Beliau seterus-nya menasehatkan kapada murid2 yang bernasib baik menerima hadiah tersebut supaya melipat-gandakan usaha mereka dalam menchapai kemajuan yang berulang2 di-masa depan di-mana kejayaan yang di-chapai itu ada-lah merupakan hasil dari sikap mereka belajar di-masa lalu.

"Jadikan-lah ia pendorong dan faktor bagi kamu menempoh masa hadapan kamu yang lebeh payah dari perengkat kamu sekarang ia-itu perengkat atas dan tinggi sambil kamu merasa bangga dan bergembira, kamu harus-lah bershukor ka-hadhrat Allah, kerana kejayaan yang kamu chapai itu ada-lah terbit daripada taufik dan hidayat-Nya jua", kata-nya lagi.

Penyampaian hadiah2 pagi itu telah di-lakukan oleh wakil Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad, Awang B. Livingstone. Sharikat Minyak Shell tahun ini telah menukar bentok hadiah2 yang di-berikan kapada murid2 dan penuntut2 di-seluroh negeri ia-itu hadiah berupa tropi bagi murid2 sekolah2 rendah dan persediaan Inggeris manakala tropi dan pen bagi penuntut2 sekolah2 menengah dan maktab2. Sa-ramai kira2 350 orang murid dan penuntut terpileh sa-bagai penerima hadiah2 tersebut tahun ini.

## Membentok masharakat yg. berdisplin

SEMENTARA itu dalam majlis yang sama bertempat di-Kelab Ria Shell di-Seria sa-ramai 65 orang penuntut dari sekolah2 menengah dan maktab2 seluroh negeri telah menerima hadiah2 kepujian mereka.

Majlis tersebut telah berlangsong pada petang hari Khamis, 15hb Disember yang baru lalu. Dalam majlis itu Ketua Unit Peranchang, Kajian dan Bimbingan, Jabatan Pelajaran, Awang Haji Abu Bakar bin Haji Apong menegaskan Sharikat Minyak Shell bukan sahaja membataskan kegiatan-nya pada menggalakkan penuntut2 dan murid2 dengan sumbangan hadiah2 kepujian dan dermasiswa-nya. tetapi juga dalam usaha membentok masharakat Brunei yang berdisplin terutama kapada penuntut2 dan murid2 saperti berlangsong-nya kempen pertunjokan lalu-lintas Shell.

Penglibatan sektor swasta saperti usaha yang di-jalankan oleh Sharikat Minyak Shell itu, kata Ketua Yunit Peranchang, Kajian dan Bimbingan itu lagi, sudah sa-wajar-nya menerima pujian dari lapisan raayat dan Kerajaan dan mengharapkan usaha tersebut akan berterusan dalam aspek2 lain yang di-fikirkan perlu.

Kapada penuntut yang menerima hadiah kepujian itu, Awang Haji Abu Bakar mengingatkan supaya mereka akan dapat mempertahankan dan mengekalkan sikap dan sifat kepujian masing2 malah akan melipat-gandakan lagi usaha mereka yang di-ukor bukan sahaja dari segi akademik tetapi juga dari segi kegiatan2 luar dan keolahan masing2.

"Jangan-lah kejayaan hari ini di-anggap sa-bagai tangga penamat dalam pendakian untok menchapai kejayaan kamu. Jalan yang akan kamu tempoh maseh jauh dan kerana itu kamu mesti-lah memahatkan kadalam diri kamu sikap tekun, tabah dan berusaha dalam menghadapi pelajaran kamu. Saat yang bahagia ini hanya akan menjadi satu titek dalam sejarah hidup kamu dan ia akan menjadi kenangan sahaja jika kamu patah dan terus mati, akan tetapi ia akan terus hidup dan menjadi penggerak dan pendorong untok lebeh maju jika kamu ingin menggunakan-nya," kata Awang Haji Abu Bakar menasehatkan.

Turut beruchap di-majlis penyampaian hadiah hari itu ia-lah Pegawai Daerah Belait, Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar, yang mana beliau mengingatkan penuntut2 agar mereka tidak akan mensia2kan penghargaan yang di-berikan oleh pehak Shell.

Kata-nya, dengan kemewahan2 yang di-berikan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam bidang pelajaran penuntut2 hendak-lah meningkatkan lagi usaha untok terus belajar pada menuju matalamat untok menempoh chita2 mereka dan negara demi mengisi kekurangan kaum intelek di-negeri ini.



Awang B. Livingstone menyampaikan hadiah kepujian kapada salah sa-orang murid dalam majlis di-S. M. Kiudang.




Gambar menunjokkan Ketua Pegawai Penerangan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Dato Paduka Awang Md. Saleh bin Haji Masri sedang menyampaikan uchapan dan seterus-nya merasmikan sambutan hari puja usia ke-31 Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei dan genap 10 tahun Baginda menaiki takhta Kerajaan.

Sambutan tersebut telah di-adakan oleh pendudok2 Kampong Kasat, Daerah Brunei/Muara. Nombor tiga dari kanan kelihatan Pegawai Daerah Brunei/Muara, Awang Mohd Saleh bin Haji Hidup, yang juga telah menyampaikan uchapan dalam perasmian sambutan itu.

Yang Dimuliakan Pehin, dalam uchapan-nya antara lain menyeru pendudok di-Kampong Kasat supaya bersatu-padu demi kebahagiaan, keamanan dan keselamatan serta menentang sa-tiap anasir yang chuba memechah-belahkan perpaduan nasional.

## *Pehin O.K. Laila Wijaya akan rasmikan Seminar*

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz, di-jangka akan merasmikan "Seminar Dakwah Islamiah Belia" pada hari Sabtu 24hb Disember ini mulai jam 7.00 malam.

Sementara itu, Pengetua Jabatan Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd. Zain akan melakukan penutopan seminar itu dan penerimaan rumusan pula akan di-lakukan oleh Pengarah Kebajikan, Belia dan Sokan, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussain pada 27hb Disember.

Seminar tersebut di-anjorkan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama dengan kerjasama Majlis Belia2 Negeri Brunei dan sa-takat ini kira2 100 orang perwakilan belia telah mendaftarkan nama untok menghadhiri seminar tersebut.

Sa-orang juruchakap penganjor seminar itu mengharapkan kapada persatuan2 yang belum menghantar perwakilan-nya supaya akan mendaftarkan-nya dengan seberapa segera.

Seminar yang berthemakan "Belia Menghayati Islam Sabagai Chara Hidup" itu akan di-langsongkan sa-lama empat hari di-Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan, Batu 1, Jalan Tutong.

## Di-tanggoh

Peraduan Hadhrah anjoran Persatuan BAHTERAMU yang di-jadualkan akan di-adakan pada 25hb Disember, 1977 telah di-tanggohkan pada satu tarikh yang akan di-umumkan kelak. Bagaimana pun menurut sa-orang juruchakap penganjor bahawa borang2 peraduan tersebut boleh di-dapati dari alamat berikut :—

Awangku Patera bin Pg Haji Md. Yassin, Jabatan Odit atau Awang Ismail bin Karim, Jabatan Perubatan, Bandar Seri Begawan.

## Penghargaan dan tahniah

Dari muka 1

Beliau melahirkan penghargaan serta tahniah atas kejayaan pendudok2 Mukim Kampong Kasat dalam mengadakan perayaan sempena puja usia ke-31 dan genap 10 tahun Baginda menaiki takhta Kerajaan dan berharap semangat perpaduan yang erat itu akan dapat menghidupkan semula beneh2 semangat bekerjasama, memuchang2 mendirikan rumah, memberseh sawah ladang, mengadakan pasokan hadhrah, berdzikir, sharikat kerjasama, pasokan bola, berkongsi membeli jentera pembajak dan lain2 lagi.

Sambutan yang di-anjoran oleh pendudok2 Mukim Kampong Kasat itu telah di-rasmikan oleh Ketua Pegawai Penerangan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Dato Paduka Awang Md Saleh bin Haji Masri.

DI-TERBITKAN OLEH BAHAGIAN PENERANGAN, JABATAN SETIA USAHA KERAJAAN DAN DI-CHETAK OLEH JABATAN PERCHETAKAN KERAJAAN BRUNEI.